

# Pembangunan Agrobank dijangka cecah RM11b

Dicapai menerusi sumbangan semua sektor termasuk pertanian utama

Oleh Sofyan Rizal Ishak  
bhbiz@bh.com.my

**Agrobank** menjangkakan pembangunan keseluruhan lebih RM11 bilion menjelang akhir tahun ini, berbanding RM10.7 bilion dicatatkan tahun lalu.

Penanggung Tugas Presiden/Ketua Pegawai Eksekutifnya, Khadijah Iskandar, berkata jumlah itu boleh dicapai menerusi sumbangan semua sektor termasuk pertanian utama dan sasaran pertumbuhan dua angka yang ditetapkan pada tahun ini.

"Kami kini pada landasan ku-



**Khadijah Iskandar**

kuh untuk bukan sahaja mencapai jumlah pembangunan dan pertumbuhan dua angka pada tahun ini, malah mencatatkan keuntungan yang lebih tinggi berbanding tahun lalu," katanya pada majlis pengumuman pemenang Anugerah Agropreneur Agrobank 2019 (AAA 2019) di Kuala Lumpur, semalam.

Agrobank mengumumkan pemenang tujuh kategori AAA 2019 yang bertujuan menghargai kejayaan usahawan dalam sektor perniagaan berasaskan pertanian.

AAA 2019 mempertandingkan tujuh kategori iaitu Anugerah Ag-

ropreneur Muda, Anugerah Agropreneur Mikro, Anugerah Agropreneur Orang Kurang Upaya (OKU), Anugerah Agropreneur Wanita, Anugerah Pelanggan Setia (individu), Anugerah Pelanggan Setia (syarikat) dan Anugerah Agropreneur Cemerlang.

Pemenang anugerah membawa pulang sebuah trofi, sijil dan hadiah wang tunai dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM140,000.

Anugerah utama iaitu Anugerah Agropreneur Cemerlang menyaksikan Halil Husairi Bakar, 46, dan Roslina Abdul Rashid, 44, daripada Smart FV Marketing Sdn Bhd menjadi pemenang dengan membawa pulang sijil, trofi dan wang tunai bernilai RM50,000.

Smart FV Marketing adalah pembekal produk berdasarkan ayam terbesar di utara tanah air dan memiliki enam cawangan yang dikenali Pasaraya Ayam Ory.

Anugerah disampaikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub.

# Bank Muamalat sedia RM70 juta bantu beli rumah

**Bank Muamalat** Malaysia Bhd (Bank Muamalat) menyediakan peruntukan RM70 juta menerusi skim Smart Mortgage-Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJJKP) pada tahun pertama pelancarannya.

Ketua Perbankan Konsumen Bank Muamalat, Zury Rahimee Zainal Abiden,

berkata skim berkenaan disasarkan kepada 300 pelanggan yang diharap dapat membantu kumpulan sasar merealisasikan impian memiliki rumah sendiri.

Beliau berkata, menerusi skim yang diperkenalkan dengan kerjasama SJJKP itu, mereka berpeluang memiliki rumah idaman dengan pembiayaan maksima sehingga RM300,000 termasuk taqaful.

"Antara kumpulan sasar yang dimaksudkan adalah mereka yang tidak mem-

punyai pendapatan tetap seperti nelayan, petani dan juga pemandu teksi.

"Selain itu, mereka yang berpendapatan tetap tetapi rendah seperti pekerja kilang dan juga pengendali mesin juga boleh memohon pembiayaan menerusi skim ini.

"Sekiranya layak, pelanggan akan mendapat pembiayaan 100 peratus dari pada harga belian dengan kelayakan gaji bersih minimum RM1,000," katanya pada sidang media selepas majlis menandatangani memorandum perjanjian dengan SJJKP di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama pada majlis berkenaan adalah Pengurus Besar SJJKP, Azlan Mohd Agel.

Ia disaksikan Timbalan Ketua Eksekutif Bank Muamalat, Khairul Kamaruddin.

BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (811810-U)

# Tahniah

Kepada Semua Pemenang



**ANUGERAH AGROPRENEUR CEMERLANG**  
HALIL HUSAIRI BAKAR & ROSLINA ABDUL RASHID  
SMART FV MARKETING SDN BHD



**Anugerah Agropreneur Agrobank 2019**

Anugerah Agropreneur Agrobank (AAA) merupakan satu inisiatif korporat yang pertama kali telah diadakan pada tahun 2016 untuk mengiktiraf pelanggan-pelanggan Agrobank yang berprestasi tinggi disamping meraikan kejayaan mereka yang merupakan usahawan dalam bisnes agro ataupun lebih dikenali sebagai Agropreneur.

7 kategori anugerah yang dipertandingkan tahun ini bagi memartabatkan golongan petani, penternak dan nelayan di negara ini adalah:

1. Anugerah Agropreneur Muda
2. Anugerah Agropreneur Orang Kurang Upaya (OKU)
3. Anugerah Agropreneur Wanita
4. Anugerah Agropreneur Mikro
5. Anugerah Pelanggan Setia (Individu)
6. Anugerah Pelanggan Setia (Syarikat)
7. Anugerah Agropreneur Cemerlang

**ANUGERAH AGROPRENEUR ORANG KURANG UPAYA**  
FRUSIS ANAK LEBI

**ANUGERAH PELANGGAN SETIA (INDIVIDU)**  
SAW SENG ENG

**ANUGERAH PELANGGAN SETIA (SYARIKAT)**  
PERSATUAN NELAYAN KAWASAN SRI MUARA

**ANUGERAH AGROPRENEUR WANITA**  
MUSLEHA ZAINUDDIN  
MHP ENTERPRISE

**ANUGERAH AGROPRENEUR MUDA**  
RAMANA K. NAIDU  
FAMOX PLANTATION (M) SDN BHD

**ANUGERAH AGROPRENEUR MIKRO**  
BUDIMAN DIN  
AIMAN TRADING



[www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my)



[www.facebook.com/Agrobank](https://www.facebook.com/Agrobank)



[@AgrobankMY](https://www.instagram.com/AgrobankMY)

